

12 FEB 1996

Muhyiddin - Vokasional

DUA KEMENTERIAN DIARAH TINGKATKAN LATIHAN VOKASIONAL

BANTING, 12 Feb (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan telah diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengambil alih program latihan vokasional daripada Kementerian Pendidikan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata langkah itu bertujuan memastikan tumpuan yang lebih diberikan oleh kedua-dua kementerian itu ke arah meningkatkan latihan kemahiran vokasional.

"Kedua-dua kementerian ini telah mengadakan perbincangan tentang bagaimana untuk kita melaksanakan dengan lebih berkesan program pendidikan tidak formal ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Rakan Muda Bertadurus peringkat negeri Selangor di Sijangkang dekat sini malam tadi.

Muhyiddin berkata peningkatan latihan vokasional itu untuk menampung keperluan tenaga kerja negara dan memastikan perancangan teratur dibuat untuk menyalurkan potensi tenaga kerja daripada kalangan lebih 200,000 lepasan sekolah setiap tahun.

Beliau memberi contoh peluang-peluang latihan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang hanya dapat menampung 3,000 peserta setiap tahun perlu dipertingkatkan memandangkan jumlah permohonan berlipat ganda lebih daripada itu.

Muhyiddin berkata Perbendaharaan Malaysia juga bersetuju supaya dalam usaha menyegerakan penambahan peluang latihan vokasional itu, tempat-tempat latihan sementara disediakan dan tenaga pakar dari luar diambil untuk mengisi keperluan.

Mengenai pengstruktur semula kementerian itu, beliau berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) telah dijemput untuk membuat kajian menyeluruh struktur kementerian itu di semua peringkat, yang dijangka dapat disiapkan dalam masa setahun.

"Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita berharap untuk meningkatkan peranan kita dalam usaha pembangunan ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan," katanya.

Muhyiddin berkata penyusunan semula kementerian itu perlu kerana struktur yang ada sekarang didapati tidak lagi sesuai dan berupaya menampung tuntutan tugas pembangunan yang lebih besar, pertambahan kumpulan sasar yang lebih banyak dan harapan rakyat yang kian meningkat terhadap peranan kementerian.

Sebagai contoh, kata beliau, kementeriannya kini terpaksa mendapatkan kerjasama banyak agensi lain untuk melaksanakan program Rakan Muda di peringkat daerah kerana terdapat hanya seorang pegawai belia yang ditugaskan untuk mengatur dan melaksanakan pelbagai program untuk ribuan belia.

"Bagi mengatasi masalah ini, Perdana Menteri juga telah bersetuju supaya kita menambah bilangan tenaga kerja kita," katanya. -- BERNAMA

MNY MAI